



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

**POLITEKNIK**  
MALAYSIA  
TUANKU SYED SIRAJUDDIN



# e-Proceedings NCTS 2022

## NATIONAL CONFERENCE ON TVET FOR UNDERGRADUATE STUDENTS



# E-PROSIDING NATIONAL CONFERENCE ON TVET UNDERGRADUATE STUDENTS 2022

This book contains information submitted by the author based on his knowledge, experience and expertise in the field of teaching cost accounting. In addition, this book also contains some information obtained from other parties whose original source is stated through reference.

However, since this book only covers topics related to element costs then readers are encouraged to refer to the contents of other related books to gain a detailed understanding in cost accounting.

All rights reserved. This e book or any portion thereof may not be reproduced or used in any manner whatsoever without the express written permission of the Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin except for the use of brief quotations in a book review.

Copyright @ 2022, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

**Published by:**

Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS)


Pauh Putra, 02600 Arau, Perlis

Tel No. : 04-988 6200

Fax No. : 04-988 6300

[www.ptss.edu.my](http://www.ptss.edu.my)

e ISBN 978-967-2258-97-1



9 7 8 9 6 7 2 2 5 8 9 7 1

e-Proceedings NCTS 2022

## KAJIAN TERHADAP FASILITI ORANG KELAINAN UPAYA DI PUSAT REHABILITASI, AYER KEROH, MELAKA (PRPTAR)

Nurfaizah Dolbahrin<sup>1</sup>, Sr Ts. Rohaizana Ramli<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Nurfaizah Dolbahrin

Civil Department, Polytechnic Sultan

Salahuddin Abdul Aziz Shah, Selangor

faizahdolbahrin@gmail.com, <sup>2</sup>rohaizana@psa.edu.my

### Abstrak

Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) merupakan individu yang mempunyai kekurangan keupayaan jangka panjang dari segi fizikal, mental, intelektual dan deria yang dapat menghalang mereka untuk menyertai dengan masyarakat. Hal ini menyebabkan golongan OKU menghadapi masalah dalam melakukan pergerakan. Kesedaran tentang operasi dan keperluan kemudahan bagi golongan ini adalah sangat rendah. Seseengah kemudahan fasiliti ini dibuat tidak mengikut spesifikasi dan standard yang ditetapkan. Kajian ini bertujuan untuk meninjau reka bentuk fasiliti OKU di Pusat Rehabilitasi Ayer Keroh, Melaka (PRPTAR) dimana pengkaji melihat sejauh mana fasiliti yang terdapat di PRPTAR menepati dan mengikut garis panduan dan undang undang yang terlibat. Analisis terhadap Malaysian Standard 1184 dan 1331 telah dibuat sebelum satu senarai semak berkenaan reka bentuk fasiliti OKU dibuat. Pemerhatian dilakukan dengan berpandukan senarai semak yang telah dibuat. Dalam pemerhatian tersebut mendapati, masih lagi terdapat beberapa fasiliti yang tidak mengikut standard yang ditetapkan. Fasiliti yang baik dan mengikut standard adalah sangat penting untuk menjaga kelestarian rekabentuk dan kegunaan masyarakat dan golongan OKU.

**Kata Kunci:** Fasiliti, Orang Kelainan Upaya, reka bentuk fasiliti, aksesibiliti

### 1.0 PENGENALAN

Pusat Rehabilitasi secara khususnya adalah sebuah tempat untuk memulihkan pesakit selepas mengalami kecederaan yang mengehendkan aktiviti harian mereka. Ia merangkumi penjagaan, rawatan dan sokongan yang diperlukan untuk membolehkan

pesakit berdikari sendiri. Pusat rehab bukan sahaja memberikan khidmat kesihatan pada pesakit, tetapi ia juga menjamin keselamatan dan keselesaan kepada semua pengguna bangunan. Untuk menjamin keselamatan dan keselesaan OKU di Pusat Rehab, penyediaan terhadap sesuatu fasiliti untuk OKU adalah penting. Antara kemudahan yang disediakan bagi golongan OKU termasuklah pemegang tangan (handrail), tangga, anak tangga, ramp, tandas, papan tanda dan symbol symbol.

Persekitaran keadaan mempunyai kesan yang besar terhadap pengalaman dan tahap ketidakupayaan. Persekitaran yang tidak boleh diakses mewujudkan halangan yang sering menghalang penyertaan penuh dan berkesan OKU dalam masyarakat secara sama rata dengan orang lain. Kemajuan untuk meningkatkan penyertaan sosial boleh dibuat dengan menangani halangan ini dan memudahkan orang kurang upaya dalam kehidupan seharian mereka. Oleh itu pengiktirafan kepentingan kerjasama antara kerajaan Malaysia dengan sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan dalam memastikan penyertaan dan penglibatan penuh dan berkesan. Sebagai contoh, pihak kerajaan dan swasta bersama-sama menyediakan kemudahan fasiliti yang mencukupi dan terbaik untuk golongan OKU, dan berterusan tetap diberikan perhatian agar fasiliti tersebut data digunakan dengan berkesan dan memudahkan pelaksanaan aktiviti harian mereka bersama golongan masyarakat normal.

## **2.0 KAJIAN LITERATUR**

### **2.1 UNDANG- UNDANG DAN GARIS PANDUAN**

Pada tahun 2007, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah merangka dasar Orang Kurang Upaya Negara bagi membantu golongan OKU. Perkara yang dijadikan asas kepada dasar ini adalah pengiktirafan bahawa golongan OKU ini merupakan sebahagian daripada masyarakat. Oleh itu, mereka mempunyai hak dan peluang yang sama rata untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. (Tahir et al., 2020). Pendekatan yang digunakan oleh dasar ini adalah berasaskan kepada hak dan juga perlindungan bagi menjamin kepentingan dan kesejahteraan OKU (JKM, 2019). Seterusnya Malaysian Standard 1184 dan 1331 juga digunakan dan ia merupakan dokumen berkaitan dengan penggunaan fasiliti dalam bangunan bagi golongan OKU sama ada untuk institusi pendidikan mahupun bangunan awam serta persendirian yang lainnya, yang mana ia menerangkan dengan jelas tentang fasiliti yang perlu ada di dalam dan di luar bangunan untuk golongan OKU bagi memudahkan mereka serta menyenangkan pergerakan golongan OKU.

## 2.2 SPESIFIKASI REKA BENTUK FASILITI OKU

Bangunan awam seharusnya dibina dengan reka bentuk yang mesra pengguna dan bebas daripada sebarang halangan untuk memenuhi keperluan setiap bangunan. (Hashim et al., 2012). Reka bentuk boleh diakses meluaskan reka bentuk standard kepada orang yang mempunyai had mobiliti. Tujuan utamanya adalah untuk meningkatkan bilangan orang yang boleh menggunakan produk, bangunan atau perkhidmatan dengan mudah. Ini boleh dicapai sama ada dengan mereka bentuk produk, perkhidmatan dan persekitaran yang mudah digunakan oleh pengguna tanpa sebarang pengubahsuaian atau antara muka piawai yang serasi dengan produk khas untuk orang kurang upaya. Kemudahan dinilai berdasarkan reka bentuk dan keadaan sama ada ia mengikut reka bentuk standard dan keperluan seperti yang dinyatakan dalam Amalan Terbaik Antarabangsa dalam Pengangkutan Awam Boleh Akses untuk Orang Kurang Upaya. Setiap kemudahan dibahagikan kepada setiap kriteria dan kriteria telah dinilai dan penilaian diberikan berdasarkan kriteria yang dinyatakan dalam manual Amalan Terbaik Antarabangsa dalam Pengangkutan Awam Boleh Akses untuk Orang Kurang Upaya (Ramli et al., 2017)

## 2.3 KEBOLEHCAPAIAN FASILITI OKU

Menurut (Ramli et al., 2017) golongan OKU secara konsisten melaporkan bahawa mereka tidak mempunyai peluang yang sama rata seperti orang lain untuk mengambil bahagian dalam kehidupan masyarakat. Hal ini dapat mengganggu pergerakan golongan ini. M, KO Berikutan daripada dapatan kajian yang dibuat oleh (Hashim et al., 2012) untuk melihat beberapa lokasi kajian, berkenaan dengan spesifikasi fasiliti OKU yang dibina (Hashim et al., 2012) berpendapat, walaupun akses umum dan kebolehcapaian fasiliti kemudahan OKU di bangunan tersebut berada pada tahap memuaskan, namun banyak lagi yang perlu dilakukan untuk memberi golongan ini kualiti hidup yang lebih baik selaras dengan masyarakat penyanyang yang dipupuk oleh masyarakat di Malaysia

## 3.0 METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan satu instrument iaitu dengan menggunakan pemerhatian ke atas fasiliti fasiliti OKU yang terdapat di PRPTAR. Kajian kes dalam kajian melibatkan tiga buah bangunan yang terdapat di PRPTAR iaitu Bangunan Rehab, Asrama dan Blok vokasional. Kaedah pemerhatian dilakukan bagi mendapatkan data mengenai reka bentuk fasiliti OKU yang disediakan di setiap bangunan tersebut samada memenuhi kriteria Standard MS1184 dan MS1331. Senarai semak telah diwujudkan bagi memudahkan pengkaji untuk melakukan Analisa kepada setiap jenis fasiliti OKU yang disediakan. Data data ini akan diperolehi dalam bentuk jadual

#### 4.0 DAPATAN KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan kesemua hasil pemerhatian yang telah dilakukan terhadap ketiga-tiga bangunan yang dipilih di PRPTAR. Berdasarkan senarai yang telah disediakan, jika kemudahan mengikut semua keperluan dalam senarai ia akan ditandakan dengan '√'. Kemudahan yang tidak mengikut senarai akan ditanda 'X', manakala kemudahan yang tidak disediakan

KEMUDAHAN	BLOK REHAB	ASRAMA	BLOK VOKASIONAL
<b>Tempat Letak Kereta (OKU)</b>			
Parkir kereta OKU disediakan berdekatan dengan pintu masuk utama dan tidak melebihi 50m	√	√	√
Simbol parkir untuk pengguna kerusi roda pada permukaan parkir dapat dilihat dengan jelas	X	X	√
Bilangan parkir OKU yang perlu disediakan adalah sekurang-kurangnya 1 parkir	√	√	√
<b>Laluan Keluar Masuk</b>			
Laluan ke bangunan perlu disediakan	√	√	√
Pastikan laluan mempunyai warna berbeza dengan warna disekitarnya	√	√	√
Laluan akses ke bangunan perlulah rata dan selamat	√	√	√
Tactile hendaklah disediakan bermula dari jalan hingga ke pintu masuk	√	√	√
Bagi mana mana laluan untuk akses ke bangunan yang berkecerunan melebihi 1:20 ramp hendaklah disediakan	√	√	NA
<b>Laluan Pejalan Kaki</b>			
Laluan pejalan kaki untuk akses ke bangunan hendaklah disediakan tanpa sebarang halangan fizikal	√	√	√
Laluan hendaklah kukuh, rata, menyerap air dan tidak licin serta mempunyai warna dan tekstur yang berbeza	√	X	X
<b>Lebar laluan pejalan kaki adalah:</b>			
Tidak kurang 1800mm (laluan utama dua hala)	√	√	√
Tidak kurang 1500mm ( <b>laluan kerap dua hala</b> ) dengan passing space disediakan setiap jarak 25m	√	√	√
Drainage grating pada laluan akses atau ramp hendaklah flush in dengan permukaan lantai	√	√	√
<b>Ramp</b>			
Ramp perlu disediakan bagi sebarang perubahan ketinggian permukaan laluan	√	√	√
Tangga perlu disediakan bersebelahan dengan ramp jika perbezaan aras melebihi 300mm	√	√	√
Lebar ramp tidak kurang dari 1200mm. bagi ramp yang mempunyai handrails	√	√	√



Jarak minimum antara handrails adalah 1000mm	√	√	√
Handrails hendaklah disediakan di kedua dua sisi bagi laluan ramp yang melebihi 800mm Panjang. Jarak minimum antara handrail adalah 1000mm	√	√	√
Permukaan ramp mestilah stabil dan tidak licin samada dalam keadaan kering dan basah	√	<b>X</b>	√
<b>Tangga</b>			
Anak tangga mempunyai ketinggian (riser) tidak melebihi 180mm dan Panjang (tread) tidak kurang dari 260mm	√	√	<b>NA</b>
Lebar tangga tidak kurang daripada 1200mm	√	√	<b>NA</b>
Anti-slip nosing tile hendaklah disediakan di bucu tangga dengan kelebaran antara 50mm – 65mm	√	√	<b>NA</b>
Tactile warning block hendaklah dipasang di permulaan dan akhir tangga setiap aras	√	<b>X</b>	<b>NA</b>
Tulisan braille perlu disediakan di permulaan dan akhir susur tangan sebagai panduan kepada OKU penglihatan	√	√	<b>NA</b>
Susur tangan dengan ukuran diameter tidak melebihi 45mm hendaklah disediakan pada ketinggian 850mm-1000mm.	√	√	<b>NA</b>
<b>Lif</b>			
Kedudukan lif perlu berdekatan dengan pintu masuk utama atau kaunter penyambut tetamu	√	<b>X</b>	<b>NA</b>
Bagi premis yang tiada kaunter penyambut tetamu, tactile hendaklah dipasang hingga ke lif	√	<b>X</b>	<b>NA</b>
Saiz minimum dalaman lif adalah 1100mm x 1400mm dan cermin perlu dipasang berhadapan pintu lif untuk keselamatan	√	√	<b>NA</b>
Butang butang lif hendaklah diletakkan pada ketinggian antara 900mm dan 1200mm	√	√	<b>NA</b>
Pintu lif hendaklah mempunyai kelebaran minima 900mm	√	√	<b>NA</b>
Grab bar dipasang dibahagian tepi dan belakang lif dengan ketinggian antara 800mm dan 900mm dari paras kemas lantai	√	√	<b>NA</b>
<b>Pintu</b>			
Lebar pintu untuk laluan kerusi roda adalah sekurang-kurangnya 850mm	√	√	√
Ketinggian pintu sekurang-kurangnya 2100mm	√	√	√
Warning tactile hendaklah disediakan dihadapan pintu masuk (300mm daripada pintu)	√	<b>X</b>	√
Directional tactile perlu disediakan menuju pintu masuk utama berterusan daripada drop-off atau laluan pejalan kaki berhampiran	√	<b>X</b>	√
Bagi pintu dan dinding jenis kaca, petunjuk yang jelas dan kontra dengan minimum ketinggian 75mm dipasang dengan ketinggian 900mm-1000mm dan 1300mm-1400mm dari aras lantai	√	<b>NA</b>	√
<b>Tandas</b>			
Kemudahan tandas awam hendaklah menyediakan sekurang kurangnya satu bilik tandas yang boleh diakses oleh kerusi roda dan mempunyai sinki tangan	√	√	√

Tandas awam bagi OKU perlu mempunyai symbol yang mudah dikenalpasti dan di pameran	√	√	√
Penggera bantuan kecemasan perlu disediakan di semua tandas OKU pada ketinggian antara 800mm-1100mm dari aras lantai	√	√	√
Ruang masuk didepan tandas harus minimum 900mm	√	√	√
Lantai tidak licin	√	√	√
Ruang tandas minimum 1700mm x 2200mm (PxL) untuk penggunaan kerusi roda	√	√	√
<b>Simbol Grafik, Papan Tanda dan Kontras Visual</b>			
Papan tanda yang menunjukkan arah accessible route hendaklah disediakan bagi memandu arah OKU terutamanya OKU berkserusi roda.	√	√	√
Tulisan Braille yang jelas (raised and domed) dan mudah dikesan perlu disediakan pada papan tanda/ symbol untuk memudahkan aksesibiliti OKU penglihatan.	√	√	√
Simbol grafik yang digunakan bersesuaian dan betul sebagai panduan dan tanda arah kepada OKU	√	√	√
Simbol grafik digunakan untuk menunjukkan bahagian-bahagian tertentu kemudahan berdasarkan jenis kelainan upaya	√	√	√
Simbol grafik disediakan bagi OKU mobility untuk menunjukkan lokasi: i. Letak kereta/ garaj ii. Akses ke bangunan lif, tandas, tangga, bilik persalinan dan lain-lain.	√	√	√
Perbezaan warna pada pintu, aras lantai atau bangunan perlu mengikut skala LRV. Elakkan kombinasi warna merah dan hijau	√	√	√
Papan tanda perlulah jelas, terang dan mudah difahami sama ada oleh orang yang sedang duduk, berdiri atau berjalan.	√	√	√

**Jadual 1: Senarai Semak Reka Bentuk Fasiliti OKU**

#### 4.1 TEMPAT LETAK KERETA OKU

Berdasarkan daripada jadual 1, pada fasiliti tempat letak kereta OKU yang disediakan dilihat agak memuaskan dimana, kesemuanya dibuat berhampiran dengan pintu masuk. Ia adalah keperluan untuk menyediakan tempat letak kereta untuk golongan OKU seperti yang dinyatakan dalam keperluan standard yang telah digunakan di seluruh

dunia. Keperluan ini penting kerana orang kurang upaya mesti mempunyai keistimewaan istimewa untuk mengakses bangunan awam. Namun begitu, simbol parkir untuk pengguna kerusi roda pada permukaan parkir tidak kelihatan.



## **4.2 LALUAN KELUAR MASUK**

Pintu masuk merupakan laluan utama yang akan digunakan oleh orang ramai untuk memasuki bangunan terutamanya hospital awam. Penyediaan pintu masuk yang betul juga dinyatakan dalam Piawaian Malaysia 1184 untuk memastikan orang kurang upaya boleh masuk ke dalam bangunan awam tanpa sebarang halangan. Pintu masuk mesti boleh diakses, bebas daripada halangan dan berdekatan dengan tempat letak kenderaan orang kurang upaya

## **4.3 LALUAN PEJALAN KAKI**

Melalui pemerhatian yang dibuat pada fasiliti laluan pejalan kaki, pihak PRPTAR menyediakan akses kebangunan tanpa sebarang halangan fizikal. Namun begitu, masih terdapat beberapa penambahbaikan yang perlu dilakukan oleh pihak pengurusan memandangkan kemudahan yang disediakan tidak sepenuhnya mematuhi piawaian keperluan. Laluan di sekitar Kawasan asrama tidak dalam keadaan yang rata seperti yang dikehendaki oleh standard. Perkara ini memberikan risiko kepada golongan OKU yang melalui Kawasan tersebut.

## **4.4 RAMP**

Ramp merupakan satu medium akses yang biasanya akan digunakan oleh golongan OKU. Ramp boleh memudahkan pergerakan OKU terutamanya yang berkerusi roda. Menurut Malaysian Standard MS 1184, ramp mestilah tidak kurang daripada 1200mm lebar dan kawasan pendaratan pada setiap 6000mm. Keperluan ini telah dipenuhi oleh ramp yang disediakan di PRPTAR. Keadaan ramp di Bangunan Rehab dan Blok Vokasional berada dalam keadaan baik. Namun, ramp pada asrama tidak mengikut standard yang ditetapkan dimana, ramp yang disediakan licin apabila dalam keadaan basah dan berlumut.

## **4.5 TANGGA**

Tangga juga merupakan salah satu kemudahan penting kerana ia akan digunakan oleh orang kurang upaya untuk bergerak dari satu tingkat ke satu tingkat. Justeru, kemudahan ini perlu mesra OKU kerana ia akan memudahkan pergerakan semua kategori orang. Berdasarkan pemerhatian, tangga di asrama tidak mempunyai tactile warning block.

## **4.6 LIF**

Semua bangunan memenuhi keperluan dengan menyediakan lif. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada mereka tidak memenuhi syarat yang disertakan dengan lif. Sebagai contoh, lif tidak disediakan berdekatan dengan pintu masuk utama di Asrama. Seterusnya, tactile juga tidak dipasang hingga ke lif.

#### **4.7 PINTU**

kesemua pintu yang disediakan mematuhi keperluan. Dengan merujuk kepada ketiga-tiga bangunan tersebut, tiada satu pun daripada mereka disediakan dengan spesifikasi yang bertentangan dengan standard yang ditetapkan.

#### **4.8 TANDAS**

Tandas OKU direka dan dibina untuk Orang yang Kurang Upayagolongan OKU terutamanya OKU fizikal disebabkan mereka mempunyai limitasi pergerakan dan memerlukan ruang yang besar di dalam tandas. Pemerhatian mendapati ketiga-tiga hospital tersebut menyediakan tandas khas untuk OKU di setiap bangunan mengikut standard yang telah ditetapkan.

#### **4.9 SIMBOL, GRAFIK, PAPAN TANDA DAN KONTRAS VISUAL**

Berdasarkan dari lawatan yang dibuat, semua papan tanda yang disediakan adalah jelas dan mudah difahami oleh semua orang. Hal ini menunjukkan papan tanda ini telah mengikut standard yang ditetapkan. Seterusnya, lokasi papan tanda disediakan ditempat yang tidak tersorok dan mudah dilihat.

### **5.0 KESIMPULAN**

Hasil kajian mendapati tahap fasiliti orang kelainan upaya (OKU) yang disediakan di PRPTAR masih berada pada tahap yang memuaskan dan masih terdapat beberapa kekurangan yang perlu ditambahbaik baik dari segi fasiliti di dalam bangunan mahupun diluar bangunan yang mana terdapat kekurangan dalam fasiliti yang terdapat dalam MS1184 dan MS1331 yang dapat diperbaiki dan di selenggara dengan baik. Penyediaan fasiliti kemudahan yang berpandukan garis panduan adalah sangat penting bagi mewujudkan satu persekitaran yang sesuai dengan semua golongan. Lebih lebih lagi bagi golongan OKU. Dengan adanya kajian ini, ia dapat membantu pihak pengurusan fasiliti di PRPTAR dalam mengenalpasti apakah kelemahan fasiliti yang ada di pusat rehab. Hal ini adalah penting kerana dapat membuat penambahbaikan diatas kelemahan yang wujud sekali gus dapat mengurangkan risiko kemalangan dan kecederaan berpunca daripada fasiliti yang tidak baik.

### **RUJUKAN**

Hafiz Ahmad, M. N., Rosli, H. F., Takril, N. F., & Ahmad Sabri, S. (2017). Penyediaan Fasiliti

- Orang Kurang Upaya (Oku) Di Institusi Pengajian Tinggi Di Lembah Klang : Satu Kajian Kes. *Proceeding-2nd Putrajaya Conference on Children, Women, Elderly and Disabled People (PICCWED)*, May, 20–21.
- Hartblay, C. (2017). Good ramps, bad ramps: Centralized design standards and disability access in urban Russian infrastructure. *American Ethnologist*, 44(1), 9–22. <https://doi.org/10.1111/amet.12422>
- Hashim, A. E., Samikon, S. A., Ismail, F., Kamarudin, H., Jalil, M. N. M., & Arrif, N. M. (2012). Access and Accessibility Audit in Commercial Complex: Effectiveness in Respect to People with Disabilities (PWDs). *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 50(July), 452–461. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.08.049>
- Mohamed, S., & Ismail, M. Z. (2020). *DI MASJID-MASJID NEGERI SEMBILAN KE ARAH MASJID ( Provision of Disabled People ' s Amenities at Negeri Sembilan Mosques Towards Community-Friendly Mosque )*. 13(2), 75–88.
- Ramli, M. Z., Hasnol, J. N. E., Hamid, N. B., Ismail, N., Zawawi, M. H., & Zainal, M. Z. (2017). Assessment of accessible facilities for disabled passenger movement in aerodrome terminals in Klang Valley. *AIP Conference Proceedings*, 1885. <https://doi.org/10.1063/1.5002308>
- Surani, H. M., Yassin, A., & Masram, H. (2020). *Fasiliti di Stesen Monorel : Cabaran kepada Orang Kelainan Upaya*. 1(1), 767–781.
- Tahir, Z., Thambapillay, S., Zabdi, J., Yusoff, M., Saufi, A., Rahman, A., & Undang-Undang, F. (2020). UNDANG-UNDANG BERKENAAN ORANG KURANG UPAYA: SATU ANALISIS PERKEMBANGAN PERUNDANGAN DI MALAYSIA (Laws Concerning Disabled Persons: An Analysis of Legal Development in Malaysia). *The Malaysian Journal of Social Administration*, 14, 96–114.